

20 JUN 1999

MCA-Singapura

LIHATLAH DIRI SENDIRI TERLEBIH DAHULU, KATA DR LING

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini turut serta dalam kritikan daripada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (BN) terhadap lidah pengarang akhbar Business Times (BT) Singapura, dengan berkata laporan itu "membayangkan dengan tepat masalah republik itu sendiri".

Dr Ling, yang bercakap kepada pemberita selepas merasmikan konvensyen MCA Selangor di ibu pejabat parti di sini, hari ini berkata, "mereka perlu jaga urusan mereka sendiri dan ia laporan yang remeh dan tidak bertanggungjawab oleh sebuah akhbar asing".

"Akhbar-akhbar Singapura perlu melihat negara mereka sendiri terlebih dahulu sebelum bercakap mengenai yang lain. Lihatlah mereka. Saya rasa Lee Kuan Yew telah memerintah untuk 31 tahun, dan beliau masih berada dalam kerajaan. Kita tidak suka berkata-kata mengenai negara jiran," kata Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan.

Akhbar itu dua hari lepas dalam lidah pengarangnya antara lain berkata, parti Barisan Nasional (BN) yang memerintah "kurang cenderung untuk pembaharuan". Ia juga menyatakan yang Dr Ling telah menerajui MCA sejak 1986, Datuk Seri S.Samy Vellu pula mengetuai MIC sejak 1980 dan juga tiada perubahan dalam pucuk pimpinan Gerakan sejak lebih sedekad.

Menurut lidah pengarang itu lagi adalah lebih bagi Malaysia ditadbir oleh pasukan baru dalam alaf akan datang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata, akhbar Singapura mempunyai "tabiat menulis perkara-perkara tidak baik " mengenai negara sementara Malaysia berat mulut dalam mengkritik republik itu.

Mengenai perkara lain, Dr Ling juga bersependapat dengan keyakinan yang disuarakan oleh Dr Mahathir terhadap kemampuan BN dalam mengekalkan majoriti dua pertiga pada pilihan raya umum akan datang.

Keyakinan itu timbul memandangkan pakatan yang diwujudkan oleh parti-parti pembangkang masih kucar-kacir dengan DAP berjuang untuk "Malaysian Malaysia", PAS, bagi mewujudkan sebuah negara Islam manakala Keadilan pula tidak mempunyai pendirian, katanya.

"Ia seperti mempunyai isteri yang berlainan tetapi di atas katil yang sama. Ia perkahwinan tidak ikhlas, rakan sekatil yang tidak secocok dan perikatan mereka tidak boleh tahan lama," katanya.

-- BERNAMA

MHI PR